

ALAM WANITA

Ilmu Jiwa Bagi Wanita

Mulai bilangan ini, kami adakan suatu ruangan yang khusus untuk kaum wanita. Di bawah

ini kami sajikan sebuah rencana bertajuk seperti di atas yang kami petik dari buku "*Wanita*

di Dalam dan di Luar Rumahtangga" oleh S. Nilakusuma, Penerbitan N.Y. Nusantara Bukit

Tinggi Jakarta. Mudah-mudahan ada manfaatnya.

(Oleh: S. Nilakusuma)

Tidak Cukup

Jika orang menyangka, bahawa seorang wanita rumahtangga cukup berkepandaian "ilmu kerumahtangaan" dalam erti yang hanya pandai memasak dan menjahit sahaja, maka anggapan itu tentu tidak pada tempatnya. Lebih-lebih lagi kerana kita telah jauh berada di dalam alam kemajuan.

Ibu yang tugasnya dalam rumahtangga, perlu mengetahui bermacam-macam ilmu pengetahuan, untuk menyesuaikan tugasnya dalam mengurus rumahtangganya, terutama dalam mendidik anak-anaknya dan memimpin keluarganya.

Oleh kerana ia hidup bersama-sama dan dalam lingkungan rumahtangga, adalah mustahak baginya mengenal jiwa keluarganya dengan sedalam-dalamnya. Dia perlu mempelajari jiwa suaminya yang memerlukan layanannya, jiwa anak-anaknya yang sedang diasuh, bahkan jiwa orang kajiannya (kalau dia mempunyai orang gaji) yang

sentiasa membantunya dalam pekerjaan-pekerjaan rumahtangga. Suka dan duka keseluruhan keluarga mustahak diketahuinya, agar dapat – dengan kebijaksanaannya – diimbangi dan diatasi dengan jalan yang sempurna.

Ilmu-ilmu yang Lain

Ilmu jiwa (penyelidikan rohani) manusia perlu dipelajari oleh setiap wanita, kerana sifatnya sebagai ibu rumahtangga, agar pelaksanaan tugas penghuni rumahtangga masing-masing dapat berjalan dengan sempurna.

Jika seorang guru cukup mempunyai "ilmu jiwa pendidikan", maka seorang ibu rumahtangga di samping dia mempunyai "ilmu jiwa pendidikan", juga perlu mengetahui tentang "ilmu jiwa perseorangan" dan "ilmu jiwa sekumpulan". Gunanya ialah untuk dipraktikkan (diamalkan) dalam keluarganya.

Nama-nama dari ilmu-ilmu itu seolah-olah menunjukkan

kepada kita ilmu yang tinggi-tinggi dan pelik-pelik pada hal hanya istilah-istilah baharu, kita setiap waktu di dalam amalan dan praktikalnya telah menemuinya dengan tidak kita sedari. Kita perlu mengenal jiwa manusia di sekeliling kita, kita perlu menyelidikinya agar dengan demikian kita dapat menyesuaikan lalu dan tindakan kita kepada orang-orang yang berhampiran dengan kita.

Memahami Setiap Jiwa

Terutama hal itu perlu bagi seorang ibu dalam masa menghadapi seluruh keluarganya. Dia perlu memahami apa yang dikehendaki oleh suaminya ketika suami tersebut tidak membayangkan di dalam kata-katanya. Dia perlu memahami apakah keinginan dan dan kebiasaan yang tersembunyi di hati kecil anak-anaknya yang sedang dalam asuhannya. Dan dia mesti tahu bagaimana caranya memimpin orang gaji yang membantu pekerjaannya, agar dia jangan lekas meminta berhenti sehingga acapkali orang-orang gajinya bertukar-tukar.

Semua yang disebutkan ini memerlukan ilmu, ilmu yang jangan disangka, bahawa hanya kita dapati dalam buku-buku sahaja, tetapi ilmu yang kita peroleh dari masyarakat sendiri – terutama dari masyarakat keluarga kita. Bagi mereka yang berbakat ilmu jiwa, atau yang mempunyai perasaan yang dalam dan halus, hal ini tidaklah sukar. Jiwa antara ibu dan mereka yang berada dalam lingkungannya lekas bertemu, sehingga lekas ada pengertian antara semua mereka.

Tetapi banyak juga antara wanita-wanita dan umumnya orang-orang yang mempunyai perasaan “pasif” atau beku, sukar akan bertemu antara jiwa dengan jiwa atau yang

dikatakan juga pertemuan dari hati ke hati dan di dalam hal yang seperti inilah, seorang ibu kerap menemui kesukaran dalam mengendalikan rumahtangganya. Ia tidak mengerti kehendak suaminya, ia tidak mengerti kemahuan dan ragam anak-anaknya, juga tidak pula mengerti mengapa orang gajinya kerap bertukar ganti yang menyebabkan kekesalannya.

Ada Perasaan Asing

Tadi telah dikatakan tentang “ilmu jiwa perseorangan” – yang perlu dimiliki ibu. Ibu patut mengetahui dan patut mengenali jiwa setiap anggota keluarganya, begitu pula pertumbuhan jiwa mereka.

Hal ini tidak sukar, jika ibu sentiasa rapat bergaul dengan anggota-anggota keluarganya. Ini perlu dilakukan, kerana kerap terjadi seseorang ibu selalu berjauhan dengan anak-anaknya – jauh dalam erti kurang mengenali jiwa anak-anaknya.

Misalnya seorang ibu memang pandai menyelenggarakan rumahtangganya. Waktu makan dijaga dengan baik, dan makanan itu pula sentiasa cukup, pakaian anak-anak dan suaminya tak pernah tidak dicuci dan tak pernah tidak diseterika dengan kemasnya, dan anggota keluarganya tak ada yang berpakaian tidak susah semasa pergi sekolah atau ke pejabat. Tetapi namun demikian antara ibu dan anggota keluarganya ada perasaan asing, sehingga jarang sekali anak-anaknya itu pergi mendapatkan ibunya untuk menceritakan kesulitan-kesulitan yang dihadapinya. Begitu pula suami, walaupun layanan lahir yang yang diberikan kepadanya cukup, tetapi suami tersebut

jarang mahu menceritakan kepadanya kesulitan di pejabatnya
umpamanya atau pun masalah-masalah yang sedang dihadapinya.

Nampaknya si anak lebih suka menceritakan
kesulitannya kepada teman-temannya – yang biasanya akan menemui
jalan yang salah. Atau si suami lebih suka mencari
hiburan di luar rumah kerana jiwanya tidak difahami
oleh isterinya. Apakah sebabnya maka terjadi begini?
Apakah kurangnya dan apakah gerangan yang menjadi
kesalahannya? Di luar nampaknya keluarga itu cukup
bahagia. Tetapi kerana tidak ada pertemuan jiwalah,
maka berlakunya kemalapan dan kesuraman dalam keluarga
tersebut.

Mendampingi Suami

Oleh sebab itu perlu benarlah ibu itu mengetahui
“ilmu jiwa perseorangan”. Mempelajari ilmu itu
mudah benar. Iaitu ibu itu hendaklah kerap berdamping
di sisi suaminya – kerap dalam erti berusaha
menyelidiki jiwanya.

Jika di waktu senja, jauh dari kesibukan
kerja masyarakat dan pejabat, maka kerap-keraplah diadakan
perbualan-perbualan atau bertukar-tukar fikiran di dalam masalah-masalah yang
menambahkan eratnya antara suami isteri. Tentu
wanita atau ibu masih jelas teringat, bagaimana tatkala
ia masih gadis rumaja dan mengadakan pertemuan
pertama dahulu dengan pemuda rumaja yang kini menjadi
ayah anak-anaknya. Tidakkah kenangan lama ini patut diingat-ingat
kembali, dengan acapkali duduk berdua-duaan kembali
untuk mengadakan pertukaran fikiran yang segar?

Acapkali terjadi, makin lama suami isteri

mengharungi lautan hidup, makin renggang jiwa
antara suami isteri itu dan makin asing
rasanya penghidupan keduanya walaupun mereka hidup
serumah. Hendaknya hal yang demikian dijauhi, dan
hendaklah terus-menerus mendekati jiwa suami
dengan demikian maka suami lebih lekas menemui
isterinya untuk bersama-sama memecahkan segala kesulitan
berdua – baik yang terjadi di luar, mahu pun di dalam
rumah tangga.

Mendampingi Anak-anak

Di samping itu kenalilah jiwa anak-anak, jangan
kita menyangka bahawa memberi anak-anak kita makan yang cukup
malah sampai berlebih-lebihan hingga kepada permainan atau
lain-lainnya dengan lengkap, sudah cukup kita
menunjukkan cinta dan kasih sayang ibu kepada
anaknyanya. Istimewa anak yang telah meningkat besar sejak kanak-kanak
itu pandai berfikir sendiri kira-kira enam tahun
umurnya sangat memerlukan seorang kawan yang dipercayai.
Oleh itu sangatlah baiknya jika ibu terus menerus
mendekati anak-anaknya sebagai ibu dan sebagai sahabat
karib yang mendapat kepercayaan yang penuh.

Sediakanlah waktu kita untuk berkelakar atau
bercerita atau turut memikirkan soal-soal anak kita.
Cerita sebelum tidur untuk anak-anak yang berumur antara
empat dengan enam tahun sangat besar sekali faedahnya
untuk mendekatkan ibu kepada anaknyanya.

Setelah itu jika anak-anak kita telah meningkat umur
bersekolah dan belajar, ikutlah hendaknya dengan
memperhatikan pelajarannya. Yang paling sukar di dalam
mendekati jiwa kanak-kanak itu ialah, jika seorang ibu

mempunyai lima orang anak misalnya, di mana perbandingan umur sangat berbeza-beza. Jika perbezaan umur di antara lima bersaudara itu hanya setahun, maka ibu tidak waktu untuk mendekati jiwa anak-anaknya jika didapati menemui kesukaran. Tetapi sangat sukar membahagi perbezaan umur di antara lima saudara itu besar dan sangat berjauhan. Misalnya antara yang sulung dengan yang kedua berbeza sebanyak empat tahun dan selanjutnya tiga, lima dan dua tahun. Di sini benar-benar daya tenaga perlu dilakukan dengan cara yang sangat bijaksana. Pokoknya si ibu perlu sentiasa memiliki jiwa anak-anaknya, sehingga anaknya terpengaruh olehnya.

Masa Pancaroba

Yang penting ialah dalam masa anak-anak itu meningkat ke umur “masa pancaroba”. Di sinilah mulai timbul rasa kasih di luar anggota keluarganya, yang baharu bererti dalam segi pujaan. Ia mulai memuja (jika gadis) cikgunya dan pak gurunya yang sangat pandai mengajar. Dan jika lelaki pula mulai memuja kecantikan gadis temannya sekelas. Kesulitan-kesulitan masa remaja mulai dirasakan, iaitu kesulitan yang dianggapnya tidak dapat diatasi.

Inilah masa yang merbahaya. Memuja itu dikatakan “cinta” atau “kasih yang mendalam” dan mulailah anak itu hidup di “alam khayal.”

Jika ibu tidak mendekati jiwa anaknya, maka si anak akan mencari kawan yang sepengertian dengannya, dan ini akan membawakan akibat yang tidak baik, terutama jika ia mengambil buku-buku bacaan yang terlarang baginya untuk membacanya. Dengan asyik rupanya si anak

yang sudah meningkat besar itu mendengar “rahsia hidup” dari kawan-kawannya. Ia pun ingin lebih dalam mengetahui dan dicurinya, “buku terlarang” itu.

Ibu Sebagai Kawan Anaknya

Tetapi kalau ibu menjaga dengan bijaksana akan anaknya yang dalam masa pancaroba, dan ibu berlaku sebagai seorang kawan yang amat karib kepadanya dan berbuat seolah-olah sebaya umurnya dengan tidak menghiraukan rasa sebagai “ibu kandung”, maka sudah barang tentu anak-anak yang mulai memiliki pertanyaan-pertanyaan besar tentang soal hidup, segera bertanya kepada ibunya. Ibu yang bijaksana dapat pula memberi jawapan-jawapan yang baik, yang tidak ada di luar batas kenyataan tetapi tidak pula mendorong anak ke arah moral atau akhlak yang rendah.

Penerangan Masalah Seks

Memang di dunia Timur kita ini, terutama masalah “seks” (kekelaminan) jarang ibu memberi penerangan kepada anaknya. Segan dan malu lekas terbit antara ibu dan anak-anaknya yang meningkat umur dewasa. Tetapi dari sudut pendidikan dan bimbingan anak-anak ke jalan yang benar, rasanya adalah sebaliknya, jika ibu juga memberi nasihat ke arah ini agar anak-anak itu jangan mencari penerangan kepada orang-orang yang tidak bertanggung jawab. Orang lain, mudah membawa anak yang sedang meningkat “masa pancaroba” ke jalan sesat walaupun tiada diinsafi, tetapi seorang ibu pasti tidak rela melihat anak-anaknya jatuh ke jurang kehinaan.



Sekarang pelajaran Bahasa Arab telah masuk dalam semua sekolah-sekolah di *al-Jazā'ir* setelah disekat dan di anak tirikan dalam penjajahan Perancis.

Kepercayaan antara ibu dan anak (yang sedang meningkat masa pancaroba) ini hendaknya mestilah kukuh, dengan segala suka dan dukanya anak-anak mestilah lekas lari ke pangkuan ibunya untuk meminta nasihat apa sebabnya menderita.

Ibu-ibu terus merasakan derita anak-anaknya dan menunjukkan dengan cara yang halus, mana yang baik dan mana yang benar.

Ibu perlu menyakinkan anak-anaknya, bahawa manusia itu tidak hanya diliputi kesenangan, tetapi duka derita adalah pakaian hidup yang biasa. Manusia biasa mengalami kejatuhan, tetapi adalah suatu keyakinan pula bahawa sesudah itu mestilah pandai tegak kembali.

Dan “anak-anak pancaroba” yang baharu mulai

kenal akan duka derita, baik pun suka bahagia

hidup di tengah masyarakat, walaupun hanya dalam lingkungan kawan sekelas sahaja, mulai pandai membanding dengan bimbingan ibunya.

Ibu tidak perlu gentar dalam membimbing anak-anaknya yang meningkat dewasa – dalam soal seks dan sekitarnya – kerana hal ini termasuk pula dalam tugas ibu, untuk membawa anak-anak ke jalan yang benar. Lebih baik ibu membimbing daripada anak-anaknya meraba-raba, ke alam khayal yang bukan-bukan.

Ini tadi soal yang mengenai “ilmu jiwa perseorangan”, di mana ibu perlu mengetahui jiwa tiap-tiap keluarganya.

Ilmu Jiwa

Setelah itu perlu pula si ibu mengetahui “ilmu jiwa sekumpulan” bukankah kelaurga acapkali berkumpul di rumah? Sehingga ibu mesti pandai memelihara suasana harmoni (meriah) antara keluarga? Antara saudara-saudara adik-beradik dan antara ayah dan anak-anak, apa lagi jika ada orang-orang yang menumpang tinggi, atau ada tanggungan keluarga lainnya, perlu dipelihara suasana tenteram dan damai. Ini pun suatu kepandaian pula, agar di dalam rumah tidak terjadi perselisihan sahaja.

Katakanlah bahawa ibu tidak mengetahui berbagai-bagai ilmu. Dengan huraian di atas ini mudah-mudah kiranya bahawa tempat ibu sebagai ibu bangsa sugh¹ penting, sehingga sebelum memasuki ilmu rumahtangga, bersedia-sedialah terlebih dahulu dalam hal ini.

¹ Perkataan sebenar ialah sungguh